



**NORIZAN ABDUL RAZAK** mempengerusikan mesyuarat bersama *Utusan Malaysia* berhubung Majlis Bintang-Bintang Berpuisi 2015 di UKM, Bangi, semalam. Turut hadir Othman Mohamad (dua dari kanan), Zulkefli Hamzah (tiga dari kanan) dan Nik Anura Nik Abdul Rahman (kiri). - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

## Utusan-UKM anjur Majlis Bintang-Bintang Berpuisi 2015

**KUALA LUMPUR 31 Mac** - *Utusan Malaysia* dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) buat julung kalinya akan menganjurkan Majlis Bintang-Bintang Berpuisi 2015 Ahad ini.

Majlis yang dijadualkan berlangsung di Persada Canselori UKM bermula pukul 11 pagi itu bakal menyaksikan gabungan tiga kelompok pembaca puisi terdiri daripada para pemimpin, sasterawan dan selebriti.

Pengarah Komunikasi Korporat UKM, Prof. Datin Dr. Norizan Abdul Razak berkata, majlis puisi tersebut bukan sekadar hiburan tetapi sebagai medium untuk terus menarik minat generasi hari ini menghayati keindahan puisi.

"Kami di UKM berbesar hati dapat menjalin kerjasama dengan *Utusan Malaysia* buat pertama ka-

linya, lebih-lebih lagi dalam majlis seperti ini.

"Majlis puisi ini juga secara tidak langsung menjadi medan untuk memperkenalkan tawaran pengajian bahasa di UKM," katanya selepas menghadiri mesyuarat bersama *Utusan Malaysia* berhubung Majlis Bintang-Bintang Berpuisi 2015 di UKM, Bangi hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad; Penolong Pengarang *Utusan Malaysia*, Zulkefli Hamzah; Pengurus Jabatan Pengarang, Syed Agil Syed Jaafar; Pengarang Hiburan *Utusan Malaysia*, Tengku Khalida Tengku Bidin dan Penolong Pengurus Komunikasi Korporat Utusan, Nik Anura Nik Abdul Rahman.

Norizan memberitahu, pameran puisi juga akan diadakan sempena program tersebut yang menampilkan

karya sasterawan seperti Shafie Abu Bakar dan Muhammad Salleh.

Sementara itu, Tengku Khalida berkata, majlis tersebut akan merapatkan lagi hubungan antara *Utusan Malaysia* dengan UKM.

"*Utusan Malaysia* berasa amat bangga dapat bekerjasama dengan UKM dalam menjayakan majlis puisi ini.

"Puisi bukan sahaja untuk hiburan, tetapi juga sebagai inspirasi kepada kehidupan masyarakat hari ini," ujarnya.

Antara artis yang akan menjayakan majlis tersebut ialah Yana Samuddin, Ezad Lazim (Exist), Rita Rudaini, Ana Rafali dan Datuk Hattan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hasan Malek pula merupakan antara pemimpin yang akan menyampaikan puisi dalam majlis tersebut.